



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUBANG PASU  
KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH KUBANG PASU  
06000, JITRA, KEDAH DARUL AMAN  
TEL : 04-9183100 / 04-7028282 FAX : 04-9174400**

Permohonan adalah dipelawa kepada **Warganegara Malaysia (Lelaki sahaja)** yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut di Pejabat Daerah dan Tanah Kubang Pasu.

<b>1.1 NAMA JAWATAN</b>	<b>PEMANDU KENDERAAN GRED H11</b>
-------------------------	---------------------------------------

- |     |                          |   |                                                       |
|-----|--------------------------|---|-------------------------------------------------------|
| (a) | Klasifikasi Perkhidmatan | : | Kemahiran                                             |
| (b) | Skim Perkhidmatan        | : | Pemandu Kenderaan                                     |
| (c) | Kumpulan Perkhidmatan    | : | Pelaksana                                             |
| (d) | Jadual dan Gred Gaji     | : | Gaji Minimum RM 1,218.00<br>Gaji Maksimum RM 2,939.00 |

**1.2 SYARAT LANTIKAN :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (ii) Lesen memandu Kelas D / E / E1 / E2 / F / G / H / I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)] [**keutamaan kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman memandu tidak kurang daripada 3 tahun**] ; dan
- (iii) berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu :

Lesen D	RM	1,264.15
Lesen E / E1 / E2	RM	1,310.30
Lesen F / H	RM	1,356.45
Lesen G / I	RM	1,402.60

- (iv) Calon hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah @ kelulusan yang diiktiraf setaraf oleh kerajaan.

**1.3 KEKOSONGAN:** 1 kekosongan

**Deskripsi Tugas :**

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan.

**TARAF JAWATAN :** Tetap

**PERMOHONAN DARI PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT :**

Anggota - anggota yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing - masing dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan terkini.

**CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN :**

- (a) Borang permohonan bolehlah diperolehi di Kaunter Pertanyaan, Pejabat Daerah dan Tanah Kubang Pasu
- (b) Borang yang lengkap diisi hendaklah dihantar dan disertakan bersama-sama dengan salinan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil -Sijil Persekolahan, Sijil Berhenti Sekolah, Sijil -Sijil lain berkaitan yang telah disahkan **sebelum atau pada 24 Oktober 2019 (Khamis), jam 3.30 petang**. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
- (c) Semua permohonan hendaklah ditulis jawatan yang dipohon di sebelah kiri bahagian atas sampul surat permohonan dan hendaklah di hantar ke alamat :

**Yang Berbahagia  
Dato' Pegawai Daerah  
Pejabat Daerah dan Tanah Kubang Pasu  
Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu  
06000 Jitra  
Kedah Darul Aman.**

**[u.p. Bahagian Khidmat Pengurusan]**

- (d) Permohonan yang berikut akan ditolak :
  - i) Tidak disertai dengan dokumen yang diperlukan ;
  - ii) Tidak lengkap dan tidak jelas ;
  - iii) Tidak memenuhi syarat - syarat kelayakan ;
  - iv) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat ;
  - v) Tidak ditandatangani.

**PANGGILAN TEMUDUGA :**

- (a) Hanya calon-calon selepas asas penapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (b) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan daripada tarikh iklan ini dikeluarkan, hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.